



# BERNAMA.COM

B e y o n d H e a d l i n e s

## EKONOMI

### MSC: operasi peleburan di loji Pulau Indah akan bermula tidak lama lagi



Tarikh Kemaskini :  
07/02/2020 06:04 PM

KUALA LUMPUR, 7 Feb -- Perpindahan syarikat perlombongan biji timah dan pengeluar logam, Malaysia Smelting Corporation Bhd (MSC) ke loji baharu di Pulau Indah, Pelabuhan Klang berjalan lancar dan mencapai tahap maksimum tidak lama lagi.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Datuk Dr Patrick Yong berkata, perpindahan itu adalah memandangkan kumpulan perlu mewujudkan asas yang kukuh untuk pertumbuhan kerana ia menghadapi landskap operasi yang mencabar termasuk keadaan ekonomi dan pergerakan harga bijih timah tidak menentu.

"Peningkatan dalam teknologi akan membantu kumpulan meningkatkan hasil ekstraktif dengan cara yang lebih cekap dan mesra alam. Loji baharu ini menggunakan gas asli sebagai bahan api dan proses peleburan peringkat tunggal yang lebih komprehensif secara berterusan, ini turut mengurangkan perlepasan karbon MSC," katanya dalam satu kenyataan hari ini.



Walaupun fasiliti di Pulau Indah sudah beroperasi, loji syarikat di Butterworth masih tetap berjalan bagi memastikan pengeluaran yang bebas masalah, tambahnya.

"Kami mengutamakan ketenangan fikiran para pelanggan kami walaupun perbelanjaan sekarang ini bertambah, sehingga kami berjaya memaksimumkan operasi."

Loji Pulau Indah akan menggunakan teknologi "Top Submerged Lance" (TSL) yang canggih untuk mengurangkan kos dan kebergantungan terhadap buruh, TSL turut membantu meraih kecekapan secara menyeluruh berbanding dengan yang relau biasa yang digunakan di Butterworth.

Ia akan menggunakan tenaga boleh diperbaharui melalui pemasangan panel solar di atas bumbung serta akan memaksimumkan sisa haba dari relau dan haba daripada sisa terma, ini adalah seiring dengan matlamat kumpulan untuk menjadi peneraju bijih timah yang lebih lestari.

Selain itu, reka bentuk loji di Pulau Indah akan membolehkan kapasiti pengeluaran dipertingkatkan sebanyak 50 peratus daripada 40,000 tan setahun.

"Kami akhirnya akan menutup operasi Butterworth kami dan kami menjangka prestasi kewangan kami akan bertambah baik secara beransur-ansur," kata Yong.

Berikutan perpindahan tersebut, syarikat akan berada dalam kedudukan yang baik untuk mendapat manfaat daripada peningkatan permintaan bagi bijih timah dengan kos operasi yang lebih rendah.

"Kami akan terus mengkaji strategi kami bagi memastikan kumpulan kekal berdaya tahan terhadap faktor-faktor luaran dan meneroka bidang pertumbuhan baharu dengan tujuan untuk meletakkan syarikat sebagai pemain bijih timah bersepadu yang terkemuka," katanya.

Langkah perpindahan ke Pulau Indah turut melibatkan pelaksanaan penstrukturan semula dalaman yang akan memberi kesan ke atas 550 kakitangan di Butterworth.

Walaupun MSC menyediakan peluang bagi mereka berpindah dari Butterworth ke Pulau Indah dan meningkatkan keupayaan mereka untuk mengendalikan teknologi yang lebih maju, jumlah kakitangan ini akan dikurangkan.

Oleh itu, MSC akan menjalankan skim berhenti secara sukarela (VSS) yang membolehkan pekerja untuk menerima pakej pampasan yang saksama, yang ditadbir oleh Akta Pekerjaan 1955 dan dipandu oleh buku panduan pekerja dan perjanjian kolektif syarikat.

"Sebagai majikan yang bertanggungjawab, MSC komited untuk melaksanakan langkah penyusunan semula ini dengan cara yang adil dan sensitif. Pemberitahuan rasmi telah diberikan kepada semua kakitangan yang terlibat untuk bersedia dengan peralihan ini.

"Kami juga merancang untuk menganjurkan sesi soal jawab sebagai platform bagi menangani kebimbangan pekerja," kata Yong.

-- BERNAMA

## MENARIK

Lelaki tempatan individu terbaru positif  
koronavirus  
Perjuangkan isu Palestin dengan tindakan  
jelas - Anwar  
Tembakan Rambang: 30 maut termasuk  
penembak, 58 cedera

### TENTANG KAMI

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia · Am  
Wisma BERNAMA  
No.28 Jalan BERNAMA  
Off Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Malaysia

### Kategori

· Ekonomi  
· Sukan  
· Politik  
· Dunia  
· Rencana

### Lain-lain

· Hubungi Kami

Ikut Kami

### Hak Cipta

· Penafian  
· Dasar Privasi  
· Dasar Keselamatan